

Program Sentuhan Kasih satu inisiatif dan tanggungjawab sosial JPT

NST 8.9 2019
RANAU: Pengarah Bahagian Kemasukan Pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Wahi Nordin berkata, program Sentuhan Kasih merupakan satu inisiatif dan tanggungjawab sosial (CSR) Bahagian Kemasukan Pengurusan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) BPKA JPT untuk mendekati masyarakat luar Bandar.

Beliau menjelaskan, para pelajar, ibu bapa dan masyarakat yang berada di kawasan yang agak terpinggir serta jauh dari akses jalinan komunikasi utama (reach the unreach).

Program seumpamanya juga, merupakan tahun ke-7 pelaksanaan program dengan kerjasama Universiti Awam (UA) iaitu Universiti Malaysia Sabah (UMS) bagi Negeri Sabah bersama dengan Jabatan Pendidikan Negeri Sabah serta kesinambungan daripada program 'Jom Masuk U' pada tahun 2019 yang mempunyai lokasi terhad.

"Hebahan Keputusan Permohonan UPU Online bagi lepasan STPM Setaraf dan SPM telah diumumkan bagi sesi akademik 2019/2020 dan mengikut rekod, pencapaian anak-anak luar Bandar begitu memberangsangkan setiap tahun.

"Diharapkan program ini dapat memberi suntikan dan semangat baharu kepada masyarakat luar Bandar terutamanya di daerah Ranau khususnya kepada para pelajar tentang kepentingan menuntut ilmu serta mempunyai kemahuan dan minat untuk meningkatkan tahap pendidikan mereka ke aras yang lebih tinggi setanding dengan pelajar yang berada di Bandar", jelas Wahi dalam ucapan alu-aluannya, pada Program Sentuhan Kasih JPT @2019 di Dewan Masyarakat Ranau baru-baru ini yang dirasmikan Ahli Parlimen



DARI kanan Wahi, Jonathan, Dr. Mistirine, Siti Hamni, Mohd Yasin dan Drs. Mahanin.

Ranau, Jonathan Yasin.

Beliau merakam penghargaan dan terima kasih kepada Jabatan Pendidikan Negeri Sabah dan kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah Ranau, kerana mengelola program yang julungkali diadakan di daerah berkenaan.

"Jutaan terima kasih juga kepada Jonathan kerana sudi hadir merasmikan program ini dan penglibatan semua agensi yang terlibat bagi menayakan program ini", jelasnya.

Beliau mewakili JPT turut merakam ucapan terima kasih kepada UMS, Jabatan Pendidikan Negeri Sabah dan Pejabat Pendidikan Daerah Ranau kerana banyak membantu dalam menghimpunkan peserta untuk program tersebut.

"Tanpa anda semua mungkin program ini tidak akan mencapai matlamatnya", tambah Wahi.

Hadir sama pada majlis itu ialah Pengarah

Pendidikan Sabah, Dr.Mistirine Radin, Pegawai Pendidikan Daerah Ranau, Siti Hamni Binti Hashim, Pegawai Pendidikan Daerah Telupid, Drs. Mahanin Bin Othman, Pegawai Daerah Ranau, Mohd.Yassin Bin Ibrahim, para Penolong Pegawai Pendidikan Daerah Ranau, Para Pengetua, Guru Guru Besar daerah ranau, Kota Belud, Telupid dan Kota Marudu, para ibu bapa bersama para pelajar Sekolah Menengah.